

Autobiografi sebagai sumber pensejarahan moden: Peranan dan ketokohan Dato' Bentara Luar dalam sejarah dan pensejarahan Johor moden

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan nilai kesejarahan autobiografi Dato' Bentara Luar Mohammed Salleh bin Perang dalam sejarah dan pensejarahan Johor moden. Secara umumnya, tokoh ini bukan sahaja penting dari aspek sejarah Johor moden itu sendiri, tetapi juga dalam aspek penulisan beliau yang terserlah dalam beberapa penulisan yang bercorak autobiografi. Hasil karya beliau masih boleh digolongkan sebagai karya sastera secara umum walaupun karyanya lebih berbentuk autobiografi. Namun begitu, para sejarawan lebih tertarik oleh nilai sejarahnya kerana mengandungi aspek pensejarahan negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, makalah ini berfokus kepada aspek-aspek perbincangan latar belakang atau riwayat hidup beliau, tinjauan tentang karya-karya penulisan beliau yang telah dikumpulkan dalam satu jilid yang berjudul Tawarikh Dato' Bentara Luar dan penilaian para sarjana tentang ketokohan beliau sebagai seorang penulis. Bagi tujuan tersebut, makalah ini akan menerapkan aspek filologi dan sejarah secara umum serta memasukkan kajian perbandingan tekstual bagi menguji nilai kesejarahannya.